



BULETIN الرِّبَاطُ AL-RIBAT

اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا




Malaysia

Bilangan 15. Jun 2021 M / Syawal 1442 H

KONGRES PERPADUAN NEGARA 2021 (WEBINAR)

SUMBANGAN DANA KEPADA PENGANJUR
MISI BANTUAN KEMANUSIAAN
KE PAHANG DARUL MAKMUR

PRESIDEN WOAG MALAYSIA DALAM SLOT
SELAMAT PAGI MALAYSIA (SPM) RTM



No 3, Jalan 222

46100 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7954 5900 Faks: 03-7954 2900

E-mel: rabitahmalaysia@gmail.com Web: www.woag-malaysia.org.my

WASATIYYAH AL-AZHAR UNTUK SEMUA


الرَّابِطَاتُ
إِصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا

Al-Azhar al-Sharif, sebuah institusi pendidikan tinggi yang ditubuhkan lebih 1,500 tahun yang lalu, selama ini, ia berjaya memikul amanah dan tanggungjawab memelihara Islam dan menyebarkan risalahnya ke seluruh dunia. Al-Azhar sentiasa konsisten dengan pendekatan wasatiyyah dalam menjelaskan kesucian dan keaslian agama yang menjadi asas kepada kemajuan dan ketamadunan. Ia juga berjaya menangkis salah fahaman serta salah tafsiran yang dilakukan dengan sengaja ataupun tanpa sedar, namun inapknya tetap memburukkan wajah Islam di pentas global.

Dalam konteks Malaysia, al-Azhar telah menganugerahkan lebih 15,000 orang alumni dari kalangan anak watan Malaysia sejak akhir 1950-an. Generasi awal lepasan al-Azhar sebenarnya adalah abna' al-Azhar yang tulen. Hampir keseluruhan mereka belajar dengan percuma bahkan ramai yang mendapat pembiayaan dari al-Azhar yang menjadi model terulung universiti waqaf di dunia.

Golongan awal inilah yang telah memberi sumbangan yang amat signifikan dalam kemajuan Islam di Malaysia melalui pelbagai sektor, khususnya pendidikan,

politik dan pengurusan hal ehwal Islam. Sebenarnya al-Azhar menjadi qiblat ilmu bagi Malaysia dan dunia Islam 'amnya. Menurut Prof. Madya. Dato' Dr. Mohd Fakhru-din Abdul Mukti, Presiden WAAG Malaysia pada 1 Mac 2012, merupakan hasrat peribadi serta pengiktirafan dan penghargaan daripada al-Imam al-Akbar, Syeikh al-Azhar as-Sharif, Prof. Dr. Ahmed Mohamed Ahmed el-Tayyeb. Syeikh al-Azhar telah memberi amanah kepada beliau selaku Presiden dengan disokong oleh barisan kepimpinan WAAG Malaysia yang mewakili pelbagai latar belakang. Hakikat bahawa lima dari empat belas orang pimpinan WAAG Malaysia, bukan dari kalangan lepasan Universiti al-Azhar membuktikan bahawa Wasatiyyah al-Azhar adalah untuk semua dan harus menjadi gagasan perjuangan semua golongan ilmuwan. Menurut Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Fakhru-din Abdul Mukti lagi, WAAG Malaysia merupakan salah satu dari tujuh cawangan WAAG peringkat antarabangsa. Kelebihan Malaysia dari segi iklim politik dan sosio-ekonomi boleh menjadi pemangkin kepada kepan-tasan dan keaktifan WAAG cawangan Malaysia.



PENASIHAT

Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhru-din Abdul Mukti
Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz

KETUA REDAKSI

Dr. Asyraf Isyraqi Jamil

ANGGOTA REDAKSI

Ustaz Abdul Rahim Abd Latif

Ustaz Rafat Mohamed Harb Abu Sabaha

Ustaz Luqman Afifi Sabri

REKA BENTUK

Ustaz Ali @ Dudi Rusadi

PENCETAK

IBEX Printing

Sidang
Redaksi

JEMPUTAN DALAM INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAM IN MALAY WORLD

Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei (UNISSA) Brunei Darussalam pada setiap tahun akan mengadakan Mid-Year Conference and Exhibition. Pada tahun 2021 ini pula buat julung kalinya pihak UNISSA dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Universiti Islam Indonesia (UIN) dan Universiti Putera Songkla Thailand (PSU) telah menganjurkan International Conference On Islam In Malay World dengan temanya “Melestari Islam di Alam Melayu di Era Kontemporari”. Konferens berjalan dengan pembentangan 4 tajuk oleh tokoh akademik daripada Malaysia, Indonesia, Thailand dan Brunei. Antara tajuk yg dibahaskan ialah melestari Islam di alam Melayu melalui pengajian Usuluddin, pengembangan studi di Indonesia, roles of Pondok in preserving Muslim identity in Thailand dan falsafah MIB dalam melestari Pendidikan Islam di negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 2 dan 3 Jun 2021M bersamaan 20 dan 21 Syawal 1442H (Rabu dan Khamis)

Tempat: Dewan Press Conference, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Berakas,

Brunei Darussalam

Anjuran: Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei (UNISSA), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Universiti Islam Indonesia (UIN) dan Universiti Putera

Songkla Thailand (PSU)

Kehadiran:

- 1) YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Profesor di Fakulti Usuluddin UNISSA merangkap Presiden WOAG Malaysia
- 2) YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat, Timbalan Pengarah Ijazah Tinggi APIUM merangkap Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 3) YBhg. Prof. Dr. Supiana, Direktur Pasca Sarjana UIN SGD Bandung Indonesia
- 4) YBhg. Prof. Madya Dr. Ibrahim Narongrak-saket, Ketua Program Siswazah, Fakulti Sains Islam, Prince Songkla University Thailand (PSU)
- 5) YBhg. Dr. Mariam binti Abd Rahman, Pensyarah Pusat Penataran Ilmi dan Bahasa UNISSA
- 6) Para pensyarah, pegawai dan pelajar UNISSA



**SESI PERBINCANGAN JABATAN
AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)
BERSAMA WOAG MALAYSIA
BERKENAAN IMTIHAN TAHDID
MUSTAWA**

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengadakan satu sesi perbincangan bersama WOAG Malaysia bagi mengupas dan memperincikan tentang Peperiksaan Bahasa Arab (Imtihan Tahdid Mustawa) dan Kursus Bahasa Arab Markaz Syeikh Zayed. Perbincangan dihadiri daripada pihak Bahagian Pendidikan Islam JAIS, Lembaga Zakat Selangor dan WOAG Malaysia. Pihak JAIS juga merancang supaya diadakan MoU antara JAIS dan WOAG Malaysia berkaitan Peperiksaan Bahasa Arab calon Negeri Selangor yang berhasrat untuk menyambung Ijazah Sarjana Muda di Universiti al-Azhar Mesir.

Tarikh: 4 Jun 2021M bersamaan 22 Syawal 1442H (Jumaat)


Masa: 9.00 pagi

Tempat: Online Google Meet

Anjuran: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Kehadiran:

- 1) YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
 - 2) YBhg. Tuan Anas bin Ayob, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JAIS
 - 3) YBhg. Dr. Hajah Adibah binti Abdul Wahab, Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf Lembaga Zakat Selangor (LZS)
 - 4) YBhg. En. Mohd Denyzman bin Kamarudin, Ketua Jabatan Pendidikan LZS
 - 5) YBhg. En. Mohammad Rodhi bin Hamzah, Penolong Pengarah Unit Pengajian Tinggi BPI JAIS
 - 6) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia
 - 7) Ustaz Raafat M.H Abusabha, Pembantu Khas Bahasa Arab WOAG Malaysia
- UNISSA



MESYUARAT AHLI MAJLIS SYURA WOAG MALAYSIA BIL. 2/2021

WOAG Malaysia telah menjalankan Mesyuarat Ahli Majlis Syura buat kali ke-2 pada tahun ini yang membincangkan tentang Perhubungan Negeri WOAG Malaysia, pelaksanaan Kongres Perpaduan Negara dan pembentangan Laporan Imtihan Tahdid Mustawa dan Markaz Syekh Zayed. Mesyuarat selesai pada jam 11.30 malam.

Tarikh: 4 Jun 2021M bersamaan 22 Syawal 1442H (Jumaat)


Masa: 8.30 malam

Tempat: Online Zoom Meeting

Kehadiran:

- 1) YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
- 2) YBhg. Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 3) YBhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia
- 4) YBhg. Prof. Madya Dr. Mustafa bin Abdullah, Penolong Setiausaha WOAG Malaysia
- 5) YBhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Bendahari WOAG Malaysia
- 6) Sahibus Samahah Datuk Dr. Hj. Luqman bin Hj. Abdullah, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 7) YBhg. Prof. Dr. Mohamad Akram bin Laldin, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 8) YBhg. Dr. Hj. Muhammad Yamin bin Ismail, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 9) YBhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 10) YBhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia

- 11) YBhg. Ustaz Hj. Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 12) YBhg. Tn. Hj. Salehuddin bin Yaacob, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 13) YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 14) YBhg. Ustazah Norihan binti Mohd Nor, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 15) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia
- 16) Ustaz Ali @ Dudi Rusadi, Pegawai Khas IBEX di Pejabat WOAG Malaysia



JEMPUTAN MENGHADIRI WARSHAH 'AMAL WOAG CAIRO

Warshah 'Amal adalah sebuah program pembentangan topik-topik agama yang dianjurkan Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Kaherah (WOAG Cairo) pada setiap bulan. Program pada kali ini disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Abbas Shouman, Mantan Wakil al-Azhar ash-Sharif dengan tajuknya "Fatwa Tepat Dalam Zaman Serba Moden". Program dihadiri daripada peserta seluruh dunia khususnya pelajar Kursus Bahasa Arab Markaz Syeikh Zayed.

Tarikh: 9 Jun 2021M bersamaan 27 Syawal 1442H (Rabu)

Masa: 5.00 petang

Tempat: Online Zoom Meeting

Anjuran: Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Kaherah (WOAG Cairo)

Kehadiran:

- 1) YBhg. Prof. Dr. Abbas Shouman, Mantan Wakil al-Azhar ash-Sharif
- 2) YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
- 3) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia
- 4) Raafat M.H Abusabha, Pembantu Khas Bahasa Arab WOAG Malaysia
- 5) Para pegawai WOAG Cairo dan para peserta dari dalam dan luar negara



JEMPUTAN MENGHADIRI MULTAQA ANTARABANGSA ALUMNI AL-AZHAR

Buat julung kalinya WOAG Cairo dengan kerjasama Organisasi Internasional Alumni al-Azhar Cabang Indonesia (OIAA Indonesia) telah mengadakan Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar yang melibatkan semua WOAG seluruh dunia disertai tokoh agamawan dan ulama tersohor daripada pelbagai latar belakang. Multaqa ini membentangkan ucapan sokongan dan dorongan terhadap Sheikh al-Azhar daripada semua Presiden WOAG. WOAG Malaysia juga mengambil inisiatif dengan menjemput 2 orang tokoh ternama di Malaysia yang juga alumni al-Azhar iaitu Timbalan Mufti Selangor Darul Ehsan dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan MKI.

Tarikh: 15 Jun 2021M bersamaan 4 Zul-qa'dah 1442H (Selasa)

Masa: 8.00 malam

Tempat: Online Zoom Meeting

Anjuran: Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Kaherah (WOAG Cairo) dan Organisasi Internasional Alumni al-Azhar Cabang Indonesia (OIAA Indonesia)

Kehadiran:

- 1) YBhg. Prof. Dr. Muhammad al-Duwainy, Wakil al-Azhar ash-Sharif
- 2) YBhg. Prof. Dr. Muhammad al-Mahrasawy, Rektor Universiti al-Azhar
- 3) YBhg. Tuan Usamah Yasin, Naib Presiden WOAG Cairo
- 4) YBhg. Prof. Dr. Abdul Daim Nasir, Pegawai Khas Sheikh al-Azhar

- 5) YBhg. Prof. Dr. Nadzir Iyad, Setiausaha Majma' Buhus al-Islamiyyah
- 6) S.S Datuk Dr. Hj. Anhar bin Hj. Opir, Timbalan Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan
- 7) S.S Datuk Hj. Wan Zahidi bin Wan The, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan MKI
- 8) YBhg. TGB Dr. Muhammad Zainul Majdi, Presiden OIAA Indonesia
- 9) YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
- 10) YBhg. Dr. Beure Sbahiyyu, Presiden Masyaikhah al-Islamiyyah German
- 11) Para Presiden WOAG cawangan seluruh dunia
- 12) Para peserta dari seluruh dunia



JEMPUTAN KULIAH SUBUH ONLINE

YBhg. Ustaz Hj. Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia telah menyampaikan Kuliah Subuh secara dalam talian di Facebook Masjid Jamek Pekan Kajang atas jemputan Ahli Jawatankuasa Masjid tersebut.

Tarikh: 17 Jun 2021M bersamaan 6 Zul-qa'dah 1442H (Khamis)

Masa: 8.00 malam

Tempat: Online Facebook Masjid Jamek Pekan Kajang

Anjuran: Masjid Jamek Pekan Kajang

Kehadiran:

- 1) YBhg. Ustaz Hj. Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 2) Ahli Jawatankuasa Masjid Jamek Pekan Kajang
- 3) Para peserta mukim Kajang



KULIAH SUBUH ONLINE

"TAFSIR AYAT AHKAM"



IKUTI KULIAH LIVE DI
FACEBOOK
MASJID JAMEK
PEKAN KAJANG



USTAZ ABDULLAH MAT

17 JUN 2021 (KHAMIS)

FACEBOOK MASJID JAMEK PEKAN KAJANG

FACEBOOK MASJID JAMEK PEKAN KAJANG

JEMPUTAN SYARAHAN KARYAWAN TAMU USIM

YBhg. Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Setiausaha Politik Kepada YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Karyawan Tamu USIM juga merangkap Timbalan Presiden WOAG Malaysia, telah dijemput hadir secara dalam talian dalam program Syarahan Karyawan Tamu USIM dengan tajuknya "Pengalaman Pengurusan Strategik JAKIM Dalam Penggubalan Dasar dan Mendepani Cabaran Semasa".

Tarikh: 17 Jun 2021M bersamaan 6 Zul-qad'a' 1442H (Khamis)

Masa : 8.00 malam

Tempat: Online Zoom Meeting

Anjuran: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (FKPU-SIM)

Kehadiran:

- 1) YBhg. Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Karyawan Tamu USIM merangkap Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 2) Para pensyarah USIM dan pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan FKP USIM

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Y. BHG. DATO'
**WAN MOHAMAD
BIN SYEIKH ABDUL AZIZ**
KARYAWAN TAMU USIM

17 Jun 2021
10.00 Pagi -
11.30 Pagi

zoom
JOIN ZOOM MEETING
[HTTPS://USIM-EDU-MY.ZOOM.US/j/95597082583](https://usim-edu-my.zoom.us/j/95597082583)
MEETING ID: 955 9708 2583
PASSWORD: 170621

SYARAHAN KARYAWAN TAMU USIM
Pengalaman Pengurusan Strategik JAKIM
dalam Penggubalan Dasar dan Mendepani Cabaran Semasa

Terbuka kepada warga akademik
dan pelajar USIM serta orang awam



JEMPUTAN SEBAGAI PENYAMPAI TAKLIMAT IMTIHAN TAHDID MUSTAWA ILMAM

Pertubuhan Ikatan Lepasan Mahasiswa Mesir (ILMAM) Selangor telah menjemput Setiausaha Kerja WOAG Malaysia bagi memberikan taklimat tentang Imtihan Tahdid Mustawa dan Kursus Bahasa Arab Online Markaz Syeikh Zayed kepada pelajar lepasan STAM dan SPM yang berminat untuk menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti al-Azhar Mesir.

Tarikh: 19 Jun 2021M bersamaan 8 Zul-qad'ah 1442H (Sabtu)




Masa: 2.00 petang

Tempat: Online Google Meet

Anjuran: Pertubuhan Ikatan Lepasan Mahasiswa Mesir (ILMAM) Selangor

Kehadiran:

- 1) YBhg. Ustaz Mohd Farid bin Zainal, Pengerusi ILMAM Selangor
- 2) Ustaz Mohamad Farhan bin Mazlan, Setiausaha ILMAM Selangor
- 3) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia
- 4) Pegawai ILMAM Selangor dan para peserta daripada seluruh Malaysia



JEMPUTAN SEBAGAI PENCERAMAH BAGI TAKLIMAT IMTIHAN TAHDID MUSTAWA PERINGKAT NEGERI JOHOR 2021

Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) dan WOAG Malaysia juga telah menjemput Setiausaha Kerja WOAG Malaysia bagi memberikan taklimat tentang Imtihan Tahdid Mustawa dan Kursus Bahasa Arab Online Markaz Syeikh Zayed kepada pelajar lepasan STAM dan SPM yang berminat untuk menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti al-Azhar Mesir.

Tarikh: 21 Jun 2021M bersamaan 10 Zul-qa'dah 1442H (Isnin)
Masa: 10.00 pagi
Tempat: Online Webex

Anjuran: Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) dan WOAG Malaysia
Kehadiran:

- 1) YBhg. Tn. Hj. Yosree bin Hj. Ikhsan, Timbalan Pengarah (Pendidikan Agama) BPI JAINJ
- 2) YBhg. Ustaz Azlan bin Kuangit @ Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Zakat Baitulmal dan Wakaf MAINJ
- 3) YBhg. Ustaz Johari bin Musa, Penolong Pengarah Kanan BPI JAINJ
- 4) YBhg. Ustaz Musa bin Omar, Pegawai Atase Johor di Mesir
- 5) Ustaz Muhammad Aizuddin bin Md Noor, Penolong Pendaftar Bahagian Rekod Kemasukan dan Kerjasama MARSAH
- 6) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia
- 7) Pegawai JAINJ dan MAINJ
- 8) Pengetua Sekolah Menengah Agama Negeri Johor, guru-guru dan para pelajar

Speaking: BPI JAINJ

TAKLIMAT IMTIHAN TAHDID MUSTAWA PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2021

DISAMPAIKAN OLEH:
USTAZ ABDUL RAHIM BIN ABD LATIF
SETIAUSAHA KERJA
RABITAH ANTARABANGSA ALUMNI AL-AZHAR
MALAYSIA (WOAG MALAYSIA)
21 JUN 2021 | ISNIN | 10.00 PAGI

Anjuran
Bahagian Pendidikan Islam
Jabatan Agama Islam Negeri Johor

Dengan Kerjasama
Majlis Agama Islam Negeri Johor
Kolej Pengajian Islam Johor
(MARSAH)
The World Organization for
Al-Azhar Graduate (WOAG) Malaysia

Unmute Stop video Share Participants Chat

**JEMPUTAN PROGRAM
SELANGOR BERZIKIR 2.0
RATIB AL-HADDAD**


YBhg. Ustaz Hj. Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia sekali lagi telah dijemput untuk mengetuai bacaan Ratib al-Haddad dalam program Selangor Berzikir 2.0 secara dalam talian. Jemputan khas ini daripada YB Zawawi Mughni, Exco Agama Islam Pengguna dan Industri Halal Selangor.

Tarikh: 24 Jun 2021M bersamaan 13 Zul-qad'ah 1442H (Khamis)

Masa: 9.10 malam

Tempat: Online Facebook YB Zawawi Mughni
Anjuran: YB Zawawi Mughni, Exco Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor
Kehadiran:

- 1) YB Zawawi Mughni, Exco Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor
- 2) YBhg. Ustaz Hj. Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 3) Para peserta program



**KUNJUNGAN HORMAT
TIMBALAN PRESIDEN WOAG
MALAYSIA TERHADAP DUTA
BESAR REPUBLIK ARAB MESIR
KE MALAYSIA**

Kunjungan hormat ke atas Duta Republik Arab Mesir, TYT. Gamal Abdel Rahim Mohamed Metwally telah diadakan di pejabat kedutaan bermula pada jam 11.00 pagi. Hadir ialah YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Setiausaha Politik kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), yang juga Timbalan Presiden WOAG Malaysia bersama YBhg. Cikgu Mohd Azmi Abdul Hamid, Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) mewakili hasrat dan suara NGO yg cakna isu Palestin.

Dalam pertemuan yang berlangsung hampir sejam itu, objektif utama adalah untuk membincangkan tentang projek "Musa'adah Palestin" hasil cetusan idea oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), demi membantu rakyat Palestin yang sangat terkesan dengan kejadian serangan pihak Zionis Israel baru-baru ini. Kunjungan hormat ini sangat penting kerana projek Musaadah Palestin sangat memerlukan kerjasama dari pihak Republik Arab Mesir berikutan kedudukannya yang bersempadan dengan Gaza, Palestin. Selain itu, diharapkan dengan projek ini, dapatlah mengeratkan lagi hubungan diplomatik antara kedua negara.

Tarikh: 25 Jun 2021M bersamaan 15 Zul-qa'dah 1442H (Jumaat)

Masa: 11.00 pagi

Tempat: Kedutaan Besar Republik Arab Mesir Di Malaysia, Jalan Ampang Hilir, Kuala Lumpur

Kehadiran:

- 1) TYT Gamel Abdel Rahim Mohamed Metwally, Duta Besar Republik Arab Mesir Ke Malaysia
- 2) YBhg. Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Setiausaha Politik Kepada YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 3) YBhg. Cikgu Mohd Azmi Abdul Hamid, Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)



PROGRAM MALAM FIKRAH ISLAM: 'AL-GHULUW' KESAN DAN RAWATAN, ZAMAN NABI SEBAGAI MODEL

Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) telah mengadakan 1 program secara maya iaitu Program Malam Fikrah Islam: 'al-Ghuluw' Kesan dan Rawatan, Zaman Nabi Sebagai Model yang dibarisi oleh 2 orang ahli panel dan seorang moderator dalam kalangan Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Antara topik yang dibincangkan dalam program ini ialah mafhum 'al-Ghuluw' di sisi agama dan uruf, jenisnya dan perbezaannya dengan kesempurnaan ibadah; perkembangan sikap 'al-Ghuluw' daripada umat terdahulu; munculnya masalah 'al-Ghuluw' di zaman Nabi S.A.W dan bagaimana Nabi S.A.W menanganinya; bahaya 'al-Ghuluw' ke atas individu, masyarakat dan kesan buruknya terhadap kesatuan umat; dan yang terakhir peranan alumni al-Azhar dalam menangani masalah 'al-Ghuluw'.

Tarikh: 3 Julai 2021M bersamaan 22 Zulqad'ah 1442H (Sabtu)

Masa: 8.00 malam

Tempat: Online Zoom Meeting

Anjuran: WOAG Malaysia

Kehadiran:

- 1) YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
- 2) Sahibus Samahah Datuk Dr. Haji Luqman bin Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan merangkap Ahli Majlis Syura WOAG Ma-

aysia

3) YBhg. Ustaz Haji Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia

4) YBhg. Prof. Madya Dr. Ibrahim Narongrak-saket, Ketua Program Siswazah, Fakulti Sains Islam, Prince Songkla University Thailand (PSU)

5) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia

6) Ustaz Raafat M.H Abusabha, Pembantu Pejabat WOAG Malaysia (Bahasa Arab)

7) Ustaz Ali @ Dudi Rusadi, Pegawai Khas Hal Ehwal Agama IBEX di Pejabat WOAG Malaysia

8) Para peserta yang lain

Zaman Nabi sebagai Model

WAKTU 8 MALAM
SELEPAS MAGHRIB

HARI SABTU BERSAMAAN
3 JULAI 2021

TETAMU JEMPUTAN



Panel
**S. SAMAHAH DATUK
DR. LUQMAN ABDULLAH**
Mufti Wilayah
Persekutuan



Panel
**PROF. DATO' DR.
MOHD FAKHRUDIN
ABDUL MUKTI**
Presiden WOAG Malaysia



Moderator
USTAZ HJ. ABDULLAH MAT
Ahli Majlis Syura
WOAG Malaysia



**JEMPUTAN MENGHADIRI
PERASMIAN DAURAH
MUKATTHAFAH LITAQWIYAH
AL-LUGHAH AL-'ARABIYYAH
SECARA ATAS TALIAN**

Pusat Bahasa Arab Terengganu, Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT) telah mengadakan Daurah Mukatthafah Litaqwiyyah al-Lughah al-'Arabiyyah secara atas talian selama 2 minggu berturut-turut bermula 4 hingga 15 Julai 2021 yang melibatkan pelajar-pelajar yang akan menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti al-Azhar Mesir dan Universiti di Jordan. Majlis Perasmian Daurah ini telah dilibatkan dengan wakil daripada WOAG Malaysia yang turut hadir atas jemputan daripada pihak penganjur.

Tarikh: 4 Julai 2021M bersamaan 23 Zulqa'dah 1442H (Ahad)

Masa: 2.00 hingga 4.00 petang

Tempat: Online Google Meet

Anjuran: Pusat Bahasa Arab Terengganu, Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu
Kehadiran:

1) YB Hj. Satiful Bahri bin Mamat, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan & Pengajian Tinggi Negeri Terengganu (Perasmi)

2) YBhg. Tuan Haji Abdullah Suhaimi Bin Zakaria, Pengerusi Perhubungan WOAG Malaysia Bagi Negeri Terengganu


3) YBhg. Tuan Haji Mohd Zaini Bin Mohd Nor, Pengarah Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu merangkap Timbalan Pengerusi

Perhubungan WOAG Malaysia Bagi Negeri Terengganu

4) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia

5) Para pegawai JHEAT, UNISZA, ILMAM dan Pusat Bahasa Arab Terengganu

6) Para pelajar yang memohon untuk menyambung pelajaran ke Mesir dan Jordan.



JEMPUTAN MENYAMPAIKAN KULIAH SUBUH ONLINE

YBhg. Ustaz Haji Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia telah dijemput sebagai penyampai Kuliah Subuh Online yang bertajuk “Tafsir Ayat Ahkam” di laman Facebook Masjid Jamek Pekan Kajang.

Tarikh: 15 Julai 2021M bersamaan 5 Zulhijjah 1442H (Khamis)

Masa: Selepas Solat Subuh

Tempat: Online Facebook

Kehadiran:

- 1) YBhg. Ustaz Haji Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 2) Ahli Jawatankuasa Masjid
- 3) Para pendengar Kuliah Subuh Online Facebook



**KULIAH SUBUH
ONLINE**



**“TAFSIR AYAT
AHKAM”**



IKUTI KULIAH SUBUH
FACEBOOK
MASJID JAMEK
PEKAN KAJANG



USTAZ ABDULLAH MAT

15 JULAI 2021 (KHAMIS)

FACEBOOK MASJID JAMEK PEKAN KAJANG

FACEBOOK MASJID JAMEK PEKAN KAJANG

**PROGRAM ZIDNI ILMAN:
PEMIKIRAN MAQASID DAN
KESANNYA DALAM
MENGANGKAT NILAI
KEMANUSIAAN**

WOAG Malaysia sekali lagi telah mengadakan program secara maya iaitu Program Zidni Ilman: Pemikiran Maqasid dan Kesannya dalam Mengangkat Nilai Kemanusiaan yang dibarisi oleh 2 orang ahli panel dan seorang Moderator dalam kalangan Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Tajuk program ini sebenarnya karangan kitab yang ditulis oleh Sahibul Fadhilah Prof. Dr. Abdul Fattah Abdul Ghaniy Muhammad Ibrahim al-'Awariy, Dekan Kuliah Usuluddin Universiti al-Azhar Mesir. Skop perbincangan dalam program pada kali ini antaranya pengenalan buku yang dikupas, apakah syariat menjaga hak untuk hidup mulia, aman dan bebas mencari rezeki; bagaimana syariat menjaga hak muslim dan non muslim melalui lima Dhoruriyat?; bagaimana pembahagian Maqasid (Dhoruriy, Haji, Tahsiniy) menjaga mukallaf?; dan akhir sekali mengapa wujud Qisas dan hukuman yang berat di dalam Islam?

Tarikh: 18 Julai 2021M bersamaan 8 Zulhijjah 1442H (Ahad)

Masa: 9.00 hingga 11.00 malam

Tempat: Online Zoom Meeting

Anjuran: WOAG Malaysia

Kehadiran:

- 1) YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
- 2) YBhg. Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato'

Syeikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia

3) YBhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Bendahari WOAG Malaysia

4) YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia

5) YBhg. Prof. Madya Dr. Mustaffa bin Abdullah, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia

6) YBhg, Dato' Haji Ismail bin Noor, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia

7) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia

8) Ustaz Raafat M.H Abusabha, Pembantu Pejabat WOAG Malaysia (Bahasa Arab)

9) Ustaz Ali @ Dudi Rusadi, Pegawai Khas Hal Ehwal Agama IBEX di Pejabat WOAG Malaysia

10) Para peserta yang lain



**JEMPUTAN PERASMI
PEMBUKAAN BICARA MAYA:
MASA HADAPAN INSTITUSI
ISLAM MALAYSIA “PENGALAMAN
SILAM DAN ARAH TUJU BAHARU”**

YBhg. Dato’ Haji Wan Mohamad bin Dato’ Sheikh Abdul Aziz, Setiausaha Politik Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Timbalan Presiden WOAG Malaysia telah dijemput sebagai Perasmi Pembukaan Program Bicara Maya: Masa Hadapan Institusi Islam Malaysia “Pengalaman Silam dan Arah Tuju Baharu”.

Tarikh: 7 Ogos 2021M bersamaan 28 Zulhijjah 1442H (Sabtu)

Masa: 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari

Tempat: Online Zoom Meeting

Anjuran: Myrio Malaysia, Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU) dan

Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM)
Kehadiran:

- 1) YBhg. Dato’ Haji Wan Mohamad bin Dato’ Sheikh Abdul Aziz, Setiausaha Politik Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 2) YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- 3) YBhg. Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim, Presiden MyRio Malaysia
- 4) YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abd Rahman, Mantan Penasihat Syariah, Jabatan Peguam Negara
- 5) YBrs. Puan Hajah Hakimah binti Mohd

Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM

6) YAA Tuan Ibrahim bin Deris, Presiden Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM)

7) YBhg, Datuk Mohd Ajib bin Ismail, Yang Dipertua Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU)

8) YBhg. Dato’ Mohd Ghazali bin Abdul Aziz, Mantan Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)

9) YBhg. Datuk Mohd Radzuan bin Abdullah
10) Para peserta secara maya

Bicara Maya
MASA HADAPAN
INSTITUSI ISLAM DI MALAYSIA:
Pengalaman Silam dan Arah Tuju Baharu
7 OGOS 2021 | 10.00 PAGI - 12.30 TENGAH HARI | APLIKASI ZOOM

Perasmian oleh
YBHG. DATO' HAJI WAN MOHAMMAD DATO' SHEIKH ABDUL AZIZ
Setiausaha Politik Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama)

Perasmian Penutupan oleh
YBHG. DATUK ABDUL AZIZ JUSOH
Ketua Pengarah JAKIM

Panel 1
YBHG. TAN SRI SHEIKH GHAZALI ABD RAHMAN
Mantan Penasihat Syariah, Jabatan Peguam Negara

Panel 2
YBRS. PUAN HAJAH HAKIMAH BIN MOHD YUSOFF
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM

Panel 3
YAA TUAN IBRAHIM DERIS
Presiden PPSM

Panel 4
YBHG. DATUK MOHD AJIB ISMAIL
Yang Dipertua Perkhidmatan Ugama (PKPU)

Panel 5
YBHG. DATO' MOHD GHAZALI ABDUL AZIZ
Mantan Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Agama Islam Pahang

Moderator
YBHG. DATUK MOHD RADZUAN ABDULLAH
Ketua Perkhidmatan Ugama (PKPU)

Anjuran: Dengan Kerjasama:

SECARA LANGSUNG DI FACEBOOK RASMI:
■ Myrio Mal ■ Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU)
■ Persatuan Pegawai Syariah Malaysia - PPSM



**JEMPUTAN BICARA ILMU 2:
"INFAQ: MODAL MENGHADAP
AKHIRAT"**

Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy Menara Bank Islam dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah menganjurkan ceramah umum yang dinamakan Bicara Ilmu Siri 2 dengan tajuknya "Infaq: Modal Menghadap Akhirat" dengan menjemput YBhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Setiausaha Politik Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Timbalan Presiden WOAG Malaysia sebagai pembicara. Beliau juga menerangkan serba sedikit tentang Sekolah Bersepadu Musa-Asiah (SEPAMA), Kemboja.

Tarikh : 10 Ogos 2021M bersamaan 1 Muhar-
ram 1443H (Selasa)

Masa: 12.30 tengah hari

Tempat: Online Facebook Surau Wakaf
Ahmad Dawjee Dadabhoy

Anjuran: Surau Wakaf Ahmad Dawjee
Dadabhoy Menara Bank Islam dan Jabatan
Agama

Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Kehadiran:

1) YBhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato'
Sheikh Abdul Aziz, Setiausaha Politik Menteri
Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal
Agama) merangkap Timbalan Presiden
WOAG Malaysia

2) Ustaz Shazwan Hamzah, Pegawai Surau
Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy Menara
Bank Islam

3) Para peserta dalam talian



**KUNJUNGAN HORMAT
TIMBALAN PRESIDEN TERHADAP
TYT DUTA BESAR REPUBLIK ARAB
MESIR DI MALAYSIA**

Sempena tamat perkhidmatan TYT Duta Besar Republik Arab Mesir Di Malaysia, WOAG Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Kunjungan Hormat Ke Kedutaan Besar Republik Arab Mesir Di Malaysia bagi memberi penghormatan terakhir kepada TYT Duta Besar sebelum pulang ke Republik Arab Mesir pada hujung bulan Ogos 2021. WOAG Malaysia telah diwakili oleh 2 orang iaitu Timbalan Presiden WOAG Malaysia dan staf pejabat WOAG Malaysia dengan membawa cenderahati kepada TYT Duta dan pegawai-pegawai kedutaan yang lain.

Tarikh: 20 Ogos 2021M bersamaan 11 Muharram 1443H (Jumaat)

Masa: Selepas Solat Jumaat

Tempat: Kedutaan Besar Republik Arab Mesir Di Malaysia, Jalan Ampang Hilir, WP

Kuala Lumpur

Kehadiran:

- 1) TYT Jamal Abdel Rehim Metwally, Duta Besar Republik Arab Mesir Di Malaysia
- 2) YBhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 3) Ustaz Raafat M.H Abusabha, Pembantu Bahasa Arab di Pejabat WOAG Malaysia
- 4) Para pegawai Kedutaan Besar Republik Arab Mesir



**JEMPUTAN ASEAN WEBINAR:
PERAN PENDIDIKAN ISLAM
DALAM MEMBANGUN JATI DIRI
BANGSA YANG MERDEKA DAN
MANDIRI**

YBhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia telah dijemput sebagai ahli panel program yang mana pada kali ini dalam Webinar ASEAN: Peran Pendidikan Islam Dalam Membangun Jati Diri Bangsa Yang Merdeka dan Mandiri bersama-sama ahli panel yang lain yang terdiri daripada tokoh agamawan dari Negara Malaysia, Kemboja dan Thailand.

Tarikh: 28 Ogos 2021M bersamaan 19 Muharram 1443H (Sabtu)

Masa: 9.00 hingga 12.00 tengah hari

Tempat: Online Zoom Meeting

Anjuran: Asosiasi Yayasan Pendidikan Islam (AYPI)

Kehadiran:

- 1) YBhg. Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Syekh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 2) YBhg. Prof. Dr. Fasli Jalal, Rektor Universiti Yarsi
- 3) YBhg. Prof. Dr. Ismet Fanany, Dekan Universiti Deakin Australia
- 4) H.E Mohamad Farid Hosen, Penasihat Kepada Menteri Agama dan Adat Resam Kemboja
- 5) YBhg. Prof. Dr. Arif Satria, Rektor Universiti IPB
- 6) YBhg. Mirdas Eka Yora, Pengasas Fajar Hi-

fayah KETUM AYPI

7) YBhg. Prof. Dr. Ganefri, Rektor Universiti Negeri Padang

8) YBhg. Prof. Dr. Irwandi Jaswir, Profesor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

9) YBhg. Prof. Sukree Langputeh, Wakil Rektor Universiti Patani Thailand

10) YBhg. Prof. Dr. Mohd Mizan Aslam, Dekan Arab Naif University of Security Science

11) YBhg. Dr. Jaka Warsihna, Pensyarah Universiti Terbuka

12) YBhg. Dr. Misbah Fikriyanto



AYPI
ASOSIASI YAYASAN
PENDIDIKAN ISLAM

Sabtu, 28 Agustus 2021
Pukul : 09:00 - 12:00

Pembicara :



Prof. Fasli Jalal, P.hD
Rektor Universitas Yarsi



Prof. Dr. Ismet Fanany
Guru Besar Universitas Deakin
Australia



H.E Mohamad Farid Hosen
Advisor to ministry of
culture and religion



Prof. Dr. Arif Satria
Rektor
Universitas IPB



Mirdas Eka Yora, Lc,M.si
Founder Fajar Hifayah
KETUM AYPI



Prof. Ganefri P.hD
Rektor Universitas
Negeri Padang



Prof. Dr. Irwandi Jaswir
International
Islamic University
Malaysia (IIUM)



Prof. Sukree Langputeh
Wakil Rektor Universitas
Patani Thailand



**Dato' Wan Mohammad
bin Sheikh Abdul Aziz**



Prof. Mohd Mizan Aslam, Ph.D
Guru Besar Arab Naif
University for Security
Science



Dr. Jaka Warsihna. M.si
Universitas Terbuka

Moderator :



Dr. Misbah Fikriyanto. MM

Via  zoom

Meeting ID : 6688306285
Passcode : 123456

**JEMPUTAN DIALOG
PEMBAHARUAN EKONOMI:
MENANTI SINAR BARU WAQF DI
MALAYSIA MUNCUL DI MAIWP**

YBhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merangkap Timbalan Presiden WOAG Malaysia telah dijemput sekali lagi sebagai ahli panel dalam Program Dialog Pembaharuan Ekonomi dengan tajuknya "Menanti Sinar Baru Waqf Di Malaysia Muncul Di MAIWP" anjuran Majlis Dakwah Negara (MDN) bersama 2 orang ahli panel dan seorang moderator yang lain.

Tarikh: 15 September 2021M bersamaan 8 Safar 1443H (Rabu)

Masa: 3.00 hingga 5.00 petang

Tempat: Online Facebook MDN

Anjuran: Majlis Dakwah Negara (MDN)

Kehadiran:

- 1) YBhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merangkap Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 2) YBhg. Datuk Dr. Mohd Ghazali bin Md Noor, Convenor, Global Waqf Conference 2013-2021
- 3) YBhg. Datu Haji Abang Mohamad Shibli bin Haji Mohamed Nailie, Pengurus Besar Tabung Baitulmal Sarawak
- 4) YBhg. Tuan Sakaria bin Samela, Pengerusi Dewan Ekonomi MDN
- 5) Para peserta dalam talian

DIALOG MDN
Pembaharuan Ekonomi
MENANTI SINAR BARU WAQF DI MALAYSIA MUNCUL DI MAIWP

15 SEPTEMBER 2021
RABU | 3-5 PM

MODERATOR
TUAN SAKARIA BIN SEMELA
Pengerusi Dewan Ekonomi MDN

BERSAMA BARISAN PANEL

DATUK DR. MOHD GHAZALI BIN MD NOOR
Convenor, Global Waqf Conference 2013-2021

DATU HAJI ABANG MOHAMAD SHIBLI BIN HAJI MOHAMED NAILIE
Pengurus Besar, Tabung Baitulmal Sarawak

DATO WAN MOHAMAD BIN DATO SHEIKH ABDUL AZIZ
Mantan Ketua Pengarah Jakim

Majlis Dakwah Negara-MDN @majlisdakwahnegara @majlis_mdn Majlis Dakwah Negara Official



PERJUMPAAN KALI KE-2 KOLEJ AL-QURAN TERENGGANU BERSAMA WOAG MALAYSIA

Kolej Al-Quran Terengganu telah menjemput WOAG Malaysia untuk mengadakan perjumpaan kali ke-2 bagi membincangkan gerak kerja yang telah dijalankan dalam merealisasikan agenda yang dibincangkan dalam perjumpaan kali pertama yang lepas.

Tarikh : 16 September 2021M bersamaan 9 Safar 1443H (Khamis)

Masa : 10.00 pagi

Tempat : Online Google Meet

Anjuran : Kolej Al-Quran Terengganu

Kehadiran :

- 1) YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
- 2) YBhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG

Malaysia

3) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia

4) Ustaz Raafat M.H Abusabha, Pembantu Bahasa Arab di Pejabat WOAG Malaysia

5) YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Safri bin Ali, Ketua Eksekutif KQT

6) YBhg. Prof. Madya Dr. Mahyuddin bin Hashim, Timb. Ketua Eksekutif (Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

7) YBhg. Ustaz Abu Hassan Basori bin Abdullah, Dekan Pusat Pengajian al-Quran

8) YBhg. Ustaz Mohd Fadhlillah bin Abdul Patah, Penyelaras Program Diploma Tahfiz dan Bahasa al-Quran

9) YBhg. Pn. Nur Rashidah binti Ashaary, Penyelaras Program Diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat

10) YBhg. Ustaz Mohd Khairul Najmi bin Abd Rashid, Penyelaras Bahagian Kualiti

11) YBhg. Pn. Fauziah binti Mansor, Pen. Pendaftaran Akademik



**GOTONG-ROYONG
PEMBERSIHAN DAN SANITASI
PEJABAT WOAG MALAYSIA**

Atas nasihat Ahli Majlis Syura dan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia agar premis yang telah bermula beroperasi sepenuhnya untuk disanitasi, maka staf pejabat dan dibantu oleh AJK NADA WOAG Malaysia telah menjalankan penyusunan dan pembersihan serta sanitasi Pejabat WOAG Malaysia di seluruh tempat.

Tarikh : 19 September 2021M bersamaan 12 Safar 1443H (Ahad)

Masa: 1.30 petang

Tempat: Pejabat WOAG Malaysia

Kehadiran:

12) Ustaz Ali @ Dudi Rusadi, Pegawai Hal Ehwal Agama IBEX di Pejabat WOAG Malaysia

13) Ustaz Mohd Hazim bin Mohd Nor, Setiausaha NADA WOAG Malaysia

14) Ustaz Mohd Harith bin Rusyaidi, AJK NADA WOAG Malaysia

15) En. Abd Rahim bin Sudin, Pengawal Keselamatan IBEX



**JEMPUTAN WEBINAR
INTERNASIONAL: “PEMIKIRAN-
GRAND SYEKH AL-AZHAR
PROF. DR. AHMED AL-TAYYEB
DALAM BUKU
AL-QAUL AL-TAYYEB**

Prof. Dato’ Dr. Mohd Fakhrudin Bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia dijemput untuk menyertai Webinar Internasional dengan tajuk, “Pemikiran Grand Syekh al-Azhar Prof. Dr. Ahmed al-Tayyeb dalam buku al-Qaul al-Tayyeb” yang dianjurkan oleh Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Kaherah (WOAG Cairo) dengan kerjasama Organisasi Internasional Alumni al-Azhar Cabang Indonesia (OIAA Indonesia), Webinar ini dihadiri daripada peserta seluruh dunia.

Tarikh: 10 Oktober 2021M bersamaan 3 Rabiul Awal 1443H (Ahad)
Masa : 3.00 hingga 5.00 petang
Tempat: Online Zoom Meeting
Anjuran: Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Kaherah (WOAG Cairo) dan Organisasi

Internasional Alumni al-Azhar Cabang Indonesia (OIAA Indonesia)

Tujuan : Membina jaringan ilmu bersama Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Kaherah dan Organisasi Internasional Alumni al-Azhar Cabang Indonesia

Hasil/Kesan : Mendapat ilmu dan manfaat yang dikongsikan oleh para panel jemputan berdasarkan bacaan kitab al-Qaul al-Tayyeb oleh Prof. Dr. Ahmed Al-Tayyeb.

Kehadiran:

- 1) YBhg. Prof. Dato’ Dr. Mohd Fakhrudin Bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
- 2) Para peserta dari dalam dan luar negara



JEMPUTAN WEBINAR SERANTAU: KELESTARIAN PENDIDIKAN TAHFIZ ASIA TENGGARA PASCA COVID-19

Dato' Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia diijemput sebagai ahli panel bergandingan dengan tokoh-tokoh terkemuka dari dalam dan luar negara, dalam satu program iaitu Webinar Serantau: Kelestarian Pendidikan Tahfiz Asia Tenggara Pasca COVID-19 di bawah anjuran Persatuan Madrasah Tahfiz al-Quran Malaysia (PERMATA), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan Institut Kemahiran Islam Dar al-Ridzuan (IKDAR).

- Tarikh : 19 Oktober 2021M bersamaan 12 Rabiul Awwal 1443H (Selasa)
Masa : 8.00 pagi hingga 5.30 petang
Tempat : Online Facebook Universiti Sultan Azlan Shah dan Youtube USASTV
Anjuran : Persatuan Madrasah Tahfiz al-Quran Malaysia (PERMATA), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan Institut Kemahiran Islam Dar al-Ridzuan (IKDAR)
Tujuan : Membentangkan isu, masalah dengan turut mengemukakan pandangan serta kertas kerja berkaitan pendidikan tahfiz di Asia Tenggara Pasca Covid-19
Hasil/Kesan : Mencari titik temu dan penyelesaian dalam melestarikan Pendidikan Tahfiz Asia Tenggara Pasca Covid-19
Kehadiran :
- 1) YB. Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
 - 2) YBhg. Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan Perak Dato' Dr. Afifi al-Akiti, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Raja-Raja Hal Ehwal Islam (JKTHEI)
 - 3) YBhg. Tan Sri Prof Dato' Dr. Nordin bin Kardi, Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah
 - 4) YBhg. Dato' Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia
 - 5) YBhg. Prof. Dato' Dr. Zulkifli bin Mohd Yusoff, Pengerusi Majlis Tahfiz Negara
 - 6) YBhg. Dato' Dr. Hj Zulkifle bin Hj. Ali al-Hafiz, Penasihat Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA AL-QURAN)
 - 7) Ahli Jawatankuasa Program
 - 8) Para Peserta dalam talian



KUNJUNGAN HORMAT YAYASAN MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD KE PEJABAT WOAG MALAYSIA

